



KEMENTERIAN PENDIDIKAN TINGGI
JABATAN PENDIDIKAN POLITEKNIK DAN KOLEJ KOMUNITI

SIARAN MEDIA

REFORMASI POLYCC: 13 ILTIZAM DIPACU BAGI MEMARTABAT PENDIDIKAN TEKNIKAL DAN PROFESIONAL (PTE) NEGARA

MERLIMAU - Jabatan Pendidikan Politeknik dan Kolej Komuniti (JPPKK) telah melancarkan agenda transformatif melalui tema “Reformasi POLYCC Memacu Lonjakan TVET Negara” sempena Majlis Aspirasi Ketua Pengarah Pendidikan Politeknik dan Kolej Komuniti (KPPK) Tahun 2026 yang telah diadakan di Politeknik Merlimau Melaka (PMM), di sini, hari ini.

Ketua Pengarah Pendidikan Politeknik dan Kolej Komuniti, Dr. Shamsuri Abdullah, menegaskan bahawa tahun 2026 merupakan fasa penting untuk memposisi semula politeknik dan kolej komuniti (POLYCC) melalui pengenalan Pendidikan Teknikal dan Profesional (PTE) sebagai hala tuju baharu bagi mengangkat reputasi TVET selaras dengan amalan negara maju.

Antara pengumuman utama dalam majlis tersebut adalah pengenalan kepada 13 Iltizam 2026 sebagai kompas dan kerangka tindakan warga POLYCC dalam mendepani cabaran serta trend TVET masa kini dan akan datang. Di antara iltizam penting yang dikemukakan ialah penjenamaan POLYCC sebagai pelopor Pendidikan Teknikal dan Profesional (PTE), pemerksaan kolej komuniti, perundangan POLYCC, pembudayaan konsep ‘pengoptimuman & penggabungan’, polisi ‘tiada pelajar yang ketinggalan’ serta memperhebat pengantarabangsaan.

Dalam pada itu, Dr. Shamsuri turut menegaskan bahawa strategi tanpa pelaksanaan mantap tidak akan menjanjikan kejayaan. Warga POLYCC perlu berani membebaskan diri daripada zon selesa dan melaksanakan reformasi yang berfokus, berdisiplin, serta berasaskan fakta bagi memastikan POLYCC kekal sebagai penyumbang terbesar tenaga kerja mahir negara.

-TAMAT-

**JABATAN PENDIDIKAN POLITEKNIK DAN KOLEJ KOMUNITI
KEMENTERIAN PENDIDIKAN TINGGI
26 Januari 2026**